



Menghurai sikap Melayu

BH 31/10/2003 - 19 PRECISE

Oleh Salbiah Ani

DALAM sejumlah buku yang ditulis Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, *The Malay Dilemma*, mencatat sejarah tersendiri dalam kerjaya beliau sebagai pemimpin politik disegani di dalam dan di luar negara.

The Malay Dilemma yang ditulis pada 1970 menimbulkan kemarahan orang Melayu kerana ia membidas sikap mereka tanpa berselindung sehingga menyebabkan Dr Mahathir dihukum buang daripada Umno pada 1972.

Dr Mahathir meluahkan segala yang terbuku di hatinya mengenai orang Melayu pada masa itu dan memilih *The Malay Dilemma* sebagai wahana untuknya mengkritik segala kelemahan dan kepincangan orang Melayu.

Meskipun bukunya yang menghuraikan persoalan sikap bangsa Melayu hingga tertinggal dalam aspek ekonomi berbanding bangsa lain itu menyebabkan beliau tersingkir daripada Umno, beliau tidak patah hati malah lebih bersemangat memperjuangkan nasib orang Melayu.

Kegigihan dan kesungguhan untuk mencapai cita-citanya demi bangsa dan negara akhirnya membuka laluan kepadanya untuk kembali kepada Umno apabila Allahyarham Tun Abdul Razak menerima beliau semula menyertai pertubuhan politik milik orang Melayu itu.

Penerimaannya semula ke dalam Umno di bawah pimpinan Perdana Menteri Malaysia kedua itu menjadi titik tolak untuk beliau memulakan langkah melaksanakan cita-cita besarnya hingga dilantik menjadi Perdana Menteri pada 1981 secara terhormat.


Justeru, tidak menghairankan juga mengapa Dr Mahathir begitu berminat memperkatakan Dasar Ekonomi Baru (DEB) kerana daripada kaca mata beliau, ideanya di dalam buku *The Malay Dilemma* mempunyai persamaan dengan DEB.

Minat Dr Mahathir terhadap kedudukan ekonomi orang Melayu diteruskan melalui bukunya

Jalan Ke Puncak yang diterbitkan pada 1999. Buku ini membincangkan DEB secara terperinci sehingga mereka yang mengetahui dasar berkenaan akan memahaminya dengan membaca buku terbabit.

Buku yang membawa 'malang' kepada Dr Mahathir pada awalnya itu, dijadikan sebagai rujukan untuk mata pelajaran Perubahan Sosial di Universiti Teknologi Mara (UiTM) sejak 1976 dan memungkinkan mahasiswa di universiti itu melihat pemikiran negarawan ulung terbabit.

Selain *The Malay Dilemma*, Dr Mahathir turut mempamerkan kebolehannya sebagai pengarang melalui bukunya *The Early Years 1947-1972*(1995), *A New Deal for Asia* (1999), *The Way Forward* (1998) dan *The Challenge* (1986).



DR MAHATHIR meluahkan segala yang terbuku di hatinya mengenai orang Melayu pada masa itu dan memilih *The Malay Dilemma* sebagai wahana untuknya mengkritik segala kelemahan dan kepincangan orang Melayu.

- Dr Mahathir mencetuskan idea dan gaya kepemimpinan berani, unik dan sekali gus mengundang kontroversi. Saya teruji dalam era Dr Mahathir.

Sasterawan dan penerima Sea Write Award, Datuk Dr Anwar Ridhwan

- Dr Mahathir negarawan ulung yang berjasa besar, mengukuhkan kestabilan politik Malaysia dan mengangkat martabat negara ke dunia antarabangsa.



Budayawan/Pentadbir
Datuk Abdul Aziz Deraman

- Kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad wajar dikagumi menjadi iktibar kepada pemimpin negara membangun dan dunia ketiga. Sri Lanka berterima kasih kepada beliau yang memberi sokongan ketika kami menghadapi peperangan menentang gerila Pembebasan Harimau Tamil Eelam (LTTE). Pengalaman Dr Mahathir membangunkan Malaysia, saya manfaatkan di negara sendiri.

Perdana Menteri Sri Lanka, Ranil Wickremesinghe